




# Gabungan Kejuruteraan Politeknik Ba Usahawan Perak



February 15, 2017 132 Views

**IPOH:** Bukan mudah untuk menceburi bidang perniagaan di dalam keadaan ekonomi y. di negara ini, apatah lagi untuk menembusi pasaran antarabangsa dengan produk tem|

Namun bagi Mohd Joneidi Othman, ia adalah asam garam perniagaan dan risiko itulah membuatkannya menjadi lebih berani untuk mencapai impian mengembangkan produ zam ciptaannya sendiri.

Malah, usahanya itu menarik perhatian tenaga pengajar Politeknik Sultan Salahuddin Al untuk mencipta sebuah mesin aiskrim khas bagi meningkatkan pengeluaran aiskrim ha semakin menempa nama di pasaran Asia.

Melalui kerjasama dengan Public Private Research Network (PPRN), sebanyak RM 39,80 dibelanjakan untuk membina sebuah mesin berkapasiti tinggi yang mampu menghasilk bekas aiskrim secara automatik.

Joneidi berkata, antara cabaran utamanya ketika memulakan perniagaan adalah faktor yang tidak menentu, kos pemasangan mesin konvensional serta pulangan modal yang t

"Dulu, saya hanya mampu menghasilkan 330 bekas aiskrim dan memakan masa yang b kerja serta adunan yang sentiasa perlu diperiksa, namun kini semuanya berubah denga "Multisize Filling Ice Cream" ini.





"Dalam masa 3 jam setengah sahaja, mesin itu boleh mengeluarkan 100,000 bekas atau ganda daripada pengeluaran konvensional, hanya memerlukan seorang pekerja sebaga mesin kerana ia beroperasi secara automatik," katanya ketika ditemui Suara Perak di M. Penyerahan Produk PPRN 2017 di RTC Gopeng , di sini pada petang Rabu.

Joneidi merupakan salah satu penerima produk PPRN yang direka khusus bersama den pengajar serta pelajar daripada jurusan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Sultan Abdul Shah Alam.

Turut mendapat manfaat daripada program itu ialah Lalida Maenoh, 55, yang kini mam menggunakan mesin itu untuk mendapatkan keuntungan dengan kadar minima serta k penyelenggaraan yang jauh lebih rendah.

Katanya, dia telah berkecimpung dalam pembuatan, pemasaran, pengadunan serta per sejak 2011, namun tidak mempunyai peluang untuk memasarkan resepi coklatnya itu s komersial dan ke peringkat antarabangsa.

"Kebiasaannya, produk coklat saya memerlukan empat atau lima pekerja untuk meletak tetapi kini, Mesin Acuan Coklat Bar yang diilhamkan oleh pensyarah dan pelajar politekn berjaya menghasilkan pelbagai potongan coklat di samping menjimatkan masa," katany

Sementara itu, Pengarah Kanan Jabatan Pendidikan Politeknik, Politeknik Sultan Salahuc Aziz Shah, Azizi Lin berkata, kerjasama di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBO: politeknik, PPRN dan usahawan merupakan perintis bagi membantu lebih ramai usahaw berjaya.

"Objektif utama kita adalah memberi idea untuk produk inovasi berteknologi tinggi kepa melalui perkongsian kepakaran, ia dapat membantu meningkatkan mutu kerja dan kua ujarnya.





## Comments

0 comments